

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 JULY 2017

## Sukan SEA: PM teruja sambutan rakyat

UM- 5/7/2017 pg. 3

**KUALA LUMPUR 4 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan rasa teruja dengan sambutan rakyat Malaysia dalam perediaan menjadi tuan rumah kepada penganjuran Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 yang bakal berlangsung pada bulan Ogos akan datang.

Perdana Menteri berkata, kali terakhir negara menjadi tuan rumah kepada kejohanan terbesar di rantau Asia Tenggara itu adalah pada 16 tahun lalu dan sebelum itu pernah dua kali menjadi tuan rumah kepada atlet-atlet terbaik ASEAN, iaitu pada 1977 dan 1989.

Menurut beliau, pada tahun 2001, Malaysia menjadi johan keseluruhan dengan kutipan keseluruhan 271 pingat, termasuk 111 pingat emas.

"Pada bulan Mei lepas, saya telah melawat dan berpuas hati dengan tahap perediaan negara menghadapi temasya sukan gilang gemilang ini. Dalam lawatan saya ke Bandar Sukan Malaysia, saya yakin bahawa kerja-kerja penambahbaikan terhadap infrastruktur di Kompleks Sukan Bukit Jalil seperti Stadium Nasional, Pusat Akuatik dan Axiata Arena akan membawa kejayaan dalam penganjuran dua temasya sukan kebanggaan ASEAN ini, insya-Allah.

"Seperti yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat Oktober tahun lalu, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM450 juta khusus untuk penganjuran temasya ini sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan dalam mempromosi dan membangunkan acara kesukanan kerana ia menjadi simbol perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya," katanya menerusi blog beliau,



*najibrazak.com*, hari ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia tetap teguh berdiri di belakang atlet-atlet kebanggaan negara tidak mengira apa pun jenis sukannya.

Kata beliau, pencapaian cemerlang atlet-atlet paralimpik negara juga tidak dilupakan seperti kejayaan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dan Muhamad Ziyad Zolkefli yang sudah pastinya akan bersemadi dalam catatan sejarah negara.

Menurut beliau, sama ada kalah atau menang, semua pihak tidak dapat menafikan bahawa atlet-atlet negara telah berjaya menyatukan hati dan semangat rakyat Malaysia.